

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Penyedia pengangkutan tangani penularan COVID-19

Patuhi peraturan kesihatan, kawalan ketat keselamatan bagi keselesaan semua

Oleh Ahmad Suhail Adnan
ahmad.suhail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan, penelitian terbaru dikendalikan pasukan perubatan menjakkan penularan wabak coronavirus (COVID-19) bakal memuncak pada bulan ini, sebelum berakhir menjelang April nanti.

Usaha dan langkah proaktif terus dipergiatkan bagi menekan penularan COVID-19, sama ada di luar mahu dalam negara.

Penyedia pengangkutan awam Malaysia termasuk laut, darat dan udara juga sudah mengambil langkah perlu bagi mematuhi peraturan kesihatan serta keselamatan ketat supaya penularan virus COVID-19 dapat dikenangkan.

Untuk menghilangkan ketakutan dan membendung penularan penyakit itu, MAS serta penyedia pengangkutan awam yang lain mengambil semua langkah bagi menjaga kesihatan dan kesejahteraan, bukan hanya penumpang tetapi juga kakitangan mereka.

Ketua Pengawasan Keselamatan Korporat, Datuk Dr Mohd Razin Kamarulzaman, berkata MAS melaksanakan saringan suhu badan terhadap penumpang ke China atau kembali ke tanah air.

Katanya, langkah itu selaras arahan Jabatan Kastam, Imigresen dan pihak berkuasa kuarantin di China, bagi mengawal penularan wabak COVID-19.

"Sehubungan itu, MAS mensiasati semua penumpang untuk tiba awal di lapangan terbang dan bergerak ke ruang pelepasan 90 minit sebelum penerbangan berlepas untuk proses saringan.

"Bagi keselesaan dan keselamatan penumpang serta anak kapal, mereka yang memiliki simptom demam, batuk dan kesukaran bernafas dinasihat untuk menangguhan perjalanan bagi mengelak daripada tidak dibenarkan menaiki pesawat ke China," katanya.

Mengenai kerisauan dijangkiti virus dalam penerbangan, Dr Mohd Razin menegaskan, pesawat memiliki sistem pengudaraan yang baik, menyebabkan risiko jangkitan sangat rendah.

"Berdasarkan maklumat syari-

kat pengeluar pesawat, udara dalam kabin dikitar semula selepas

melalui tapisan udara partikel keberkesaan tinggi (HEPA), yang mengurangkan kebarangkalian penumpang terdedah kepada bakteria dan virus menerusi kitaran udara dalam pesawat," jelasnya.

Katanya, oleh kerana COVID-19, Malaysia Airlines sudah memulakan penggantian penapis HEPA untuk memastikan kecekapan pengaliran semula udara, sebagai tambahan langkah berjaga-jaga. "Langkah kawalan untuk mengurangkan risiko penyebaran penyakit di kapal turut ditekan, termasuk menyediakan kit penyakit berjangkit perubatan dalam setiap pesawat.

"Peralatan pakai buang seperti perkakas dan tualu dan membawa hidangan dari Kuala Lumpur untuk perjalanan pulang dari China juga mutu digunakan buat masa ini," katanya.

Pembasmi kuman dalam pesawat juga dipertingkatkan, terutama pada perkhidmatan penerbangan laluan Tanah Besar China laju Taipei, Hong Kong dan Singapura.

Selain itu, kimia pembasmi kuman khas turut digunakan untuk bahagian permukaan keras pesawat yang memerlukan tumpuan seperti tempat letak lengkap, ke-

rusi, meja, galei dan tandas. Malaysia Airlines juga sudah menghentikan *nightstop* di Beijing Daxing dan Shanghai Pudong bagi menghadkan risiko pendedahan terhadap jangkitan kepada krew dan asetnya.

Bagi pengendali KLIA Express, Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) pula, regimen pembersihan yang ketat enam kali sehari di semua stesennya dilaksanakan secara langkah berjaga-jaga dan juga untuk menimbulkan keyakinan penumpang kakitanganannya serta orang ramai untuk terus menggunakan pengangkutan awam.

ERL menekankan bahawa mereka membersihkan enam kali sehari dan membasmikan kawasan hubungan tinggi di stesen seperti tempat pemegang, rel, rak bagasi, butang tekan pintu, tandas serta tempat duduk di kerea api.

ERL menggunakan pembasmi kuman lebih kuat ketika pembersihan untuk mengelakkannya keberadaan piawai tinggi dengan menumpukan kepada lima bidang utama iaitu penumpang, kakitangan, kerea api, stesen dan kesedaran.

Begitu juga Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) mengeluarkan kenyataan bahawa garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan akan diikuti

oleh semua kakitanganannya yang bekerja di dua pintu masuk utama stesen kereta api di Johor Baru, Johor dan Padang Besar, Perlis.

"Semua kakitangan dikehendaki mengikuti semua aspek kesihatan dan keselamatan di stesen kereta api dan di setiap operasi perkhidmatan kereta api di dua pintu masuk utama," kata senyata itu.

Langkah kesihatan dan keselamatan lain yang diambil oleh KTMB, termasuk penggunaan wajib topeng muka oleh kakitangan, bertujuan meningkatkan kesedaran langkah pencegahan.

Selain itu, KTMB memberi kerjasama sepenuhnya kepada kementerian kesihatan untuk penapisan serta kuarantin.

Di Lembah Klang, Rapid KL turut mengambil langkah tambahan untuk meminimumkan risiko pendedahan kepada wabak COVID-19 untuk lebih dari satu juta penumpang yang berulang-alik dengan perkhidmatan bas dan kereta api setiap hari.

Syarikat itu juga menetapkan pemeriksaan kesihatan pagi untuk pemudik basnya sebelum ditempakian di laluan masing-masing sebagai sebahagian daripada langkah untuk menjaga kesejahteraan kakitanganannya.

Pemandu bas Rapid KL juga

diberikan taklimat dengan maklumat mengenai virus, dari segi apa yang mereka boleh lihat dan prosedur operasi standard (SOP) dalam situasi kecemasan yang membatikan pelanggaran mereka.

Rutin itu dijalankan setiap hari di tujuh depoh Rapid KL dan Rapid Penang, Rapid Kuantan, Rapid Kemunting dan Rapid Manjung.

Sementara itu, bagi peniaga dalam talian, Emmy Farina Malek, berkata beliau kerap berkunjung ke luar negara, terutama Indonesia dan Thailand bagi mendapatkan barang untuk jualan persiapan stok jualan Aidilfitri.

"Pada awalnya agak bimbang untuk merancang perjalanan dalam sebulan dua ini, tetapi terpaksa diuruskan juga kerana persediaan jualan perlu dipersiapkan segera.

"Inisiatif daripada syarikat perniagaan bagi menghalang penularan virus amat melegakan saya," katanya.

Pegawai bank, Amir Ashraf pulalah berkata, beliau suka melancang ke luar negara bersama isteri dan sudah pun merancang percutian pada awal April depan.


"Saya sedang berkira-kira sama ada untuk meneruskan atau tidak. Ramai yang menasihatkan saya menjauhkan diri dari kawasan orang ramai," katanya.

Aliran dan penapisan udara dalam pesawat


■ Berikut penularan wabak coronavirus, anda mungkin bimbang dengan penyebaran virus di dalam kapal terbang ketika melancong.

■ Bagaimanapun sebuah syarikat pembuat kapal terbang mendedahkan udara yang digunakan untuk bernafas dalam penerbangan dikitar semula dan ditapis secara tetap oleh Penapis Udara Bersepadu Tinggi (HEPA) yang mengurangkan kemungkinan terdedah dengan virus dan bakteria.


Bagaimana udara bergerak di dalam kapal terbang



Peredaran udara dalam pesawat dek tunggal



Peredaran udara dalam pesawat dua dek



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Semua kes lalui ujian pengesahan ulangan

Langkah bagi pastikan pesakit sembah sepenuhnya

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan memaklumkan ujian makmal pengesahan COVID-19 ulangan akan dijalankan ke atas semua pesakit yang disahkan positif jangkitan terbabit.

Ujian itu dijalankan selepas pesakit menunjukkan perkembangan baik bagi gejala klinikal dihadapi, selain bagi memastikan mereka selamat untuk dibenarkan pulang dan tidak menjangkiti orang lain.

Ketua Pengaruhnya, Dafuk Dr Noor Hisham Abdullah, menjelas-



Kebanyakan kes disahkan positif, sistem imun badan manusia akan menghasilkan antibodi khusus bagi melawan virus ini.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan


kan ujian itu bertujuan memastikan pesakit sembah sepenuhnya dan bebas daripada virus COVID-19.

"Dapatan terkini kajian berkaitan COVID-19 menunjukkan hampir 80 peratus kes dilaporkan adalah pesakit yang mengalami gejala ringan dan tiada rawatan khusus atau antiviral diperlukan bagi penyakit ini."

"Kehanyaran pesakit hanya memerlukan rawatan simptomatik (seperti demam, batuk dan sesehma) dan isolasi kes perlu dijalankan bagi mengelakkan penularan penyakit ini kepada orang lain."

"Kebanyakan kes disahkan positif, sistem imun badan manusia akan menghasilkan antibodi khusus bagi melawan virus ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Malaysia kekal 22 orang, setakat ini, dengan lima daripada mereka masih dikuarantin, manakala baki pesakit sudah dibenarkan pulang.



Warga AS tunjuk perkembangan baik

Kuala Lumpur: Seorang wanita warga emas Amerika Syarikat berusia 83 tahun yang disahkan positif COVID-19 di negara ini, telah menunjukkan perkembangan status kesihatan yang sangat baik.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia selepas dua ujian pengesahan ulangan yang dilakukan ke atasnya menunjukkan keputusan negatif.

Bagaimanapun, katanya, pesakit berkenaan masih dipantau kerana batuk.

"Pemeriksaan klinikal dan ujian X-ray pada mengesahkan pesakit mempunyai penyakit radang paru-paru (pneumonia) dan dia dimasukkan ke wad isolasi di Hospital Sungai Buloh.

"Sampel klinikal oropharyngeal dan nasopharyngeal sudah diambil. Ujian pengesahan COVID-19 bagi semua sampel ini dijalankan sebanyak dua kali oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan kedua-dua ujian



Keratan akhbar BH pada 16 Februari lalu.

disahkan positif pada 15 Februari lalu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, pesakit diberikan rawatan antiviral Lopinavir/Ritonavir (LPV/r) dan bantuan oksigen bagi gejala dihadapinya dan menunjukkan perubahan kesihatan yang baik selepas lebih 72 jam dirawat.

LPV/r daripada jenama Kaletra adalah kombinasi ubatan dos tetap bagi ra-

watan serta pencegahan HIV dan AIDS.

Ia menggabungkan Lopinavir dengan sedikit dos Ritonavir dan kebiasaananya disarankan bagi kegunaan dengan pelbagai antiretroviral lain.

"Ujian ulangan pengesahan COVID-19 sudah dijalankan sebanyak dua kali dengan jarak masa 24 jam bagi setiap satu ujian. Kedua-dua ujian ulangan ini menunjukkan keputusan negatif," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL



Dr Dzulkefly bersama Poon Ming (dua dari kiri) bertanyakan kepada Jahiran Isnani, 63, yang sakit kaki dan tekanan darah tinggi pada program Jelajah Kampungku Sihat di Kampung Kabogan, Semporna, semalam.

(Foto BERNAMA)

Jalani tapisan kesihatan, elak kematian pramatang

Kerajaan mahu rakyat ambil langkah pencegahan, manfaat khidmat klinik percuma

Semporna: Kementerian Kesihatan menggesa rakyat memanfaatkan klinik kesihatan di seluruh negara untuk menjalani saringan kesihatan bagi mengelak kematian pramatang, khususnya membabitkan penyakit tidak berjangkit (NCD).

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata NCD antara penyebab utama kematian pramatang kerana kebanyakannya masyarakat tidak peka mengenai kepentingan saringan awal kesihatan.

"NCD paling utama penyebab kematian pramatang ialah darah

tinggi atau hipertensi. Jika ia bersekali dengan kencing manis, memang ia punca kematian pramatang secara serangan jantung atau angin ahmar (strok).

"Saya meminta rakyat, terutama golongan B40 membuat tapisan kesihatan (di klinik kesihatan) kerana ia percuma," katanya kepada media selepas

majlis perasmian Program Jelajah Kampungku Sihat peringkat Semporna, di sini, semalam.

Program berkenaan dirasmikan Menteri Kesihatan dan Sejahteraan Rakyat Sabah, Datuk Frankie Poon Ming Fung, yang mewakili Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Dzulkefly berkata, kerajaan mahu rakyat mengambil langkah pencegahan bagi mengelak kos perubatan yang tinggi.

"Kesihatan asas kepada kehidupan berkualiti dan penjagaan kesihatan adalah tanggungjawab semua."

"Tanggapan bahawa kesihatan tanggungjawab pihak (petugas) kesihatan, khususnya Kementerian Kesihatan, adalah silap sama sekali," katanya.

Beliau berkata, pembangunan hospital yang canggih, penyediaan kapakaran dan ubat terus menjadi isu serta tidak mencukupi jika aspek Pencegahan tidak diberikan perhatian.

BERNAMA

Tanggapan bahawa kesihatan tanggungjawab pihak (petugas) kesihatan, khususnya Kementerian Kesihatan, adalah silap sama sekali.

**Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan**

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Pesakit warga AS semakin sihat

Rakyat AS masih dipantau di hospital kerana alami batuk yang tidak serius

Oleh MOHD RIDZUAN ABU HASAN

KUALA LUMPUR

Pesakit ke-22 dijangkiti wabak koronavirus (Covid-19) di Malaysia semakin menunjukkan perkembangan status kesihatan yang sangat baik.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah bagaimanapun berkata, pesakit wanita warga Amerika Syarikat (AS) berusia 83 tahun itu masih dipantau di hospital kerana mengalami batuk yang tidak serius.

Menurutnya, kes tersebut dikesan bergejala melalui ujian saringan pe-

ngesan Covid-19 sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebelum dirujuk ke Hospital Sungai Buloh.

"Pemeriksaan klinikal dan ujian X-ray pada mensesahkan pesakit mempunyai penyakit radang paru-paru (pneumonia) dan dimasukkan ke wad isolasi.

"Sampel klinikal oropharyngeal dan nasopharyngeal diambil. Ujian pengesahan Covid-19 dijalankan sebanyak dua kali oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) sebelum di sahkan positif pada 15 Februari lalu.

"Selepas lebih 72 jam diberikan rawatan, wanita berkenaan menunjukkan perubahan kesihatan yang baik," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Noor Hisham berkata, ujian ulangan pengesahan Covid-19 dijalankan dua kali dalam jarak masa 24 jam bagi se-



DR NOOR HISHAM

tiap ujian dan menunjukkan keputusan negatif.

Menurutnya, ujian pengesahan ulangan itu dilakukan bagi memastikan pesakit berkenaan telah sembuh dan negatif Covid-19.

"Merujuk kepada data terkini kajian berkenaan Covid-19, hampir 80 peratus pesakit yang dilaporkan merupakan pesakit yang mengalami gejala ringan dan tiada rawatan spesifik atau antiviral diperlukan.

"Dalam kebanyakan kes yang telah disahkan positif, sistem imun badan akan menghasilkan antibodi spesifik bagi melawan virus ini.

"Namun, terdapat juga golongan yang tidak mempunyai sistem imun yang kuat seperti warga emas dan jangkitan virus ini menyebabkan komplikasi yang teruk serta memerlukan bantuan ubat-ubatan seperti antiviral," katanya.

Jalani tapisan kesihatan elak kematian pramatang melibatkan penyakit tidak berjangkit



Dr Dzulkefly (kiri) bertanya kepada Jahrain Ismail, 63, yang salid kaki dan mengalami tekanan darah tinggi ketika melawat warga emas itu pada program Jelajah Kampungku Sihat di Kampung Kabogen, Semporna semalam.

SEMPORNA - Kementerian Kesihatan menggesa rakyat supaya memanfaatkan klinik kesihatan di seluruh negara untuk menjalani tapisan kesihatan bagi mengelak kematian pramatang, khususnya yang membabitkan penyakit tidak berjangkit.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, NCD adalah antara penyebab utama kematian pramatang kerana kebanyakannya masyarakat tidak peka mengenai kepentingan tapisan awal kesihatan.

"NCD paling utama penyebab kematian pramatang adalah darah tinggi atau hipertensi dan jika bersekali dengan kencing manis,

memang resipi untuk kematian pramatang secara serangan jantung atau angin ahmar (strok).

"Justeru, saya minta rakyat terutama golongan B40 supaya membuat tapisan kesihatan di klinik kesihatan. Ia adalah perguna," katanya kepada pemberita selepas perasmian Program Jelajah Kampungku Sihat peringkat Semporna di sini semalam.

Program tersebut dirasmikan Menteri Kesihatan dan Kesejaraheraan Rakyat Sabah, Datuk Frankie Poon Ming Fung yang mewakili Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Dr Dzulkefly berkata, kerajaan mahu rakyat mengambil

langkah pencegahan bagi mengelak berdepan kos perubatan yang tinggi.

Menurutnya, kesihatan adalah asas kepada kehidupan yang berkualiti dan penjagaan kesihatan adalah tanggungjawab semua.

"Tanggapan bahawa kesihatan adalah tanggungjawab pihak (petugas) kesihatan, khususnya Kementerian Kesihatan, adalah silap sama sekali," katanya.

Beliau berkata, pembangunan hospital yang canggih, penyediaan kepakaran dan ubat-ubatan akan terus menjadi isu serta tidak mencukupi jika aspek pencegahan tidak diberikan perhatian. - Bernama

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS/NATION

COVID-19 OUTBREAK

AMERICAN PATIENT ON ROAD TO RECOVERY

83-year-old cruise ship passenger tests negative for Covid-19 after 72 hours of treatment

KUALA LUMPUR

An 83-year-old American woman, who tested positive for Covid-19 upon arrival in Malaysia after disembarking from a cruise liner, is showing signs of recovery.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said, however, the senior citizen, who is Malaysia's 22nd Covid-19 case, is being monitored at Sungai Buloh Hospital for a cough.

Dr Noor Hisham said the woman showed improvement after 72 hours of treatment and her recent tests were negative for the virus.

"Two Covid-19 tests were done (24 hours apart) on her and they were negative. These were conducted to ensure that the patient has fully recovered, with negative Covid-19 infection results," he said in a statement.

The woman first tested positive for the virus on Feb 15 when her oropharyngeal (throat) and nasopharyngeal (upper part of pharynx) clinical samples were taken for tests twice at the Institute for Medical Research.

Dr Noor Hisham said she was diagnosed with pneumonia based on clinical examination and chest X-ray findings. The woman was then administered with Lopinavir and Ritonavir, which are antiviral treatment drugs used to treat human immunodeficiency virus patients. She was among 2,257 passengers and crew members on board the MS *Westerdam*, which docked in Cambodia after being turned down by five countries in what was supposed to be a two-week cruise around Asia.

The woman and her 85-year-old husband were among 145 passengers who flew to Kuala Lumpur International Airport from Cambodia on board a Malaysia Airlines flight.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said current information on Covid-19 showed that about 80 percent of patients here had mild symptoms.

He said since there was no specific treatment for it, most pa-

tients required only symptomatic treatment for their fever, cough and runny nose, while isolation of patients was required to prevent them from infecting others.

"This is because in most confirmed cases, the body's immune system will produce antibodies against the virus.

"Unfortunately, for individuals who are immunocompromised or with low immunity, such as older adults, the risk of Covid-19 infection causing severe complications is higher, and this may require antiviral treatment."

He said laboratory confirmations through repeated tests were needed for all confirmed cases once patients showed positive signs of recovery from symptoms.

"This is necessary to ensure the cases have fully recovered and free from the Covid-19 virus. Only then will patients be allowed to return home with no risk of infecting other individuals."

Up to 3pm yesterday, no new cases of Covid-19 were reported in Malaysia, maintaining the number of patients receiving treatment at five and the number of cases discharged at 17.